



## PENGUMUMAN RASMI

### PINDAAN PERATURAN PEMBAYARAN YURAN PELAJAR

#### TARIKH AKHIR PEMBAYARAN YURAN SEMESTER 2 2019/2020

Assalamualaikum wrt wbt dan Salam Sejahtera

Kepada semua pelajar,

2. Selaras dengan Pengumuman Rasmi berkenaan Pindaan Kalendar Akademik Semester 2 dan Semester Pendek Sesi Akademik 2019/2020 Universiti Malaysia Pahang bertarikh 1 April 2020, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) bertarikh 3 April 2020 telah bersetuju bahawa tarikh **Pembayaran Yuran Semester 2 2019/2020** dipinda seperti berikut :-

- i. Tempoh bayaran sebelum proses sekatan (*barring*) : **10.2.2020 sehingga 7.6.2020**
- ii. Tempoh bayaran sekatan dibuka tanpa denda : **8.6.2020 sehingga 27.7.2020**
- iii. Tempoh bayaran sekatan dibuka dengan denda : **28.7.2020 dan seterusnya**

(*rujuk Jadual 1*)

3. Proses sekatan (*barring*) akan dilaksanakan bagi Semester 2 2019/2020 pada **8.6.2020**. (*rujuk Peraturan Pembayaran Yuran sedia ada iaitu 1 minggu selepas cuti pertengahan semester berakhir*).

4. Tarikh akhir bayaran bagi sekatan dibuka tanpa denda dan membolehkan pelajar menduduki peperiksaan adalah **sebelum atau pada 27.7.2020 (Isnin) iaitu 2 minggu sebelum peperiksaan akhir Semester 2 2019/2020 bermula**. Pelajar yang membuat bayaran selepas 27.7.2020 (dengan denda RM50) akan dibuka sekatan tetapi pelajar hanya boleh menduduki peperiksaan bagi kertas peperiksaan yang melepasi tarikh pelajar membuat pembayaran yuran sahaja. (*rujuk peraturan sedia ada kelulusan Mesyuarat JTK Kali ke 37 bil 3/2018*)

5. Dengan pindaan ini, Pengumuman yang dikeluarkan oleh pihak kami di E-Community UMP pada 26 Mac 2020 adalah terbatal.

Kerjasama dari semua pelajar adalah amat dihargai. Jika terdapat sebarang pertanyaan boleh emel kepada kami [collection1@ump.edu.my](mailto:collection1@ump.edu.my).

Sekian terima kasih.

**ZAINUDIN BIN OTHMAN**  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan  
Tarikh : 3 April 2020